

05/04/1997

Kerajaan Pusat, Pas boleh bekerjasama (HL)

Mohd Shah Abdullah; Nasir Hassan; Veena Rusli

KOTA BHARU, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, Kerajaan Pusat bersikap pragmatik untuk menjalin kerjasama dengan kerajaan Pas Kelantan jika ia mendatangkan faedah kepada seluruh rakyat di negeri itu.

Menurut Perdana Menteri, Pas bagaimanapun diingatkan supaya tidak mengamalkan sikap menuduh orang Umno sebagai tidak Islam sehingga menyebabkan berlaku peristiwa seperti dua imam dan pengebumian di kubur berasingan.

Beliau berkata, selama ini hubungan Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri lain memang berjalan baik, kecuali menghadapi masalah dengan Kelantan sejak diperintah Pas pada 1990.

"Kita bersikap pragmatik dan berpendapat apabila perlu berbuat sesuatu, kalau perlu buat penyesuaian kepada pendekatan kita, ia akan dibuat. Memang Kerajaan Pusat selama ini bersikap pragmatik," katanya.

Dr Mahathir berkata demikian kepada pemberita ketika ditanya mengenai hasil lawatan seharusnya ke Kelantan dalam sidang akhbar pada akhir lawatannya itu, di sini hari ini.

Terdahulu, beliau menyampaikan amanat kepada pegawai kerajaan Persekutuan dan negeri, ahli korporat serta pemimpin masyarakat dalam majlis tertutup di Dewan Sri Pendekar, Wadi Sofia, di Binjai, dekat sini.

Pada sebelah pagi, Perdana Menteri merasmikan kilang KUB Tekstil di Pengkalan Chepa dan menyaksikan majlis menandatangani perjanjian usaha sama di antara KUB dan kerajaan negeri bagi projek petrokimia di Pantai Senok, Bachok.

Dr Mahathir mengakui lawatan beliau ke Kelantan kali ini memang kelihatan lebih mesra dan mungkin ditafsir sebagai membuka lembaran baru dalam sejarah hubungan kedua-dua belah pihak.

"Nampak Kelantan hendak menjalin hubungan dengan Pusat dan kita tidak tolak. Orang nak berbaik, kita berbaik. Orang nak bermusuhan, kita bermusuhan, orang tembak (politik), kita tembak balik," katanya secara berseloroh.

Bagaimanapun, beliau mengingatkan tidak ada pihak harus menggunakan isu dan kesempatan daripada lawatannya itu untuk mendapat faedah politik.

Menurutnya, walaupun lawatan beliau boleh juga ditafsir memberi moral tinggi kepada kerajaan negeri, Pas juga sebenarnya mengiktiraf sumbangan serta peranan Kerajaan Pusat.

"Itu satu pengakuan, ia juga satuimbangan di antara Pusat dan negeri, jadi tiada siapa boleh mengaut keuntungan," katanya.

Perdana Menteri mengakui kedudukan Pas sebagai parti pembangkang diperlukan untuk menghidupkan proses demokrasi di negara ini, termasuk menegur jika berlaku sebarang penyelewengan.

Menurutnya, tindakan itu bagaimanapun tidak harus dilakukan secara berlebihan sehingga berlakunya peristiwa solat dua imam dan kubur berasingan.

Semalam, Menteri Besar, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat berkata peranan parti pembangkang seperti Pas masih diperlukan dan relevan dalam menghidupkan amalan demokrasi di negara ini.

Dr Mahathir berkata, Barisan Nasional (BN) bersedia untuk menimbang kemasukan Pas menjadi anggota komponennya jika parti itu sanggup menerima syarat dan dasar BN.

Menurutnya, kemungkinan bagi Pas menyertai semula BN bukan perkara mustahil kerana parti itu pernah menjadi rakan komponen BN dalam tahun 1970-an.

"Dulu biasa Pas sertai BN. Tidak ada yang mustahil dalam politik. Banyak rakan komponen BN asalnya adalah musuh seperti Gerakan dan Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS).

"Sebaliknya, ada juga yang pernah berkawan dengan kita, jadi lawan selepas itu," katanya.

Perdana Menteri berkata, BN bagaimanapun setakat ini belum dapat menerima Pas sebagai sekutunya kerana parti itu menyebabkan berlaku perpecahan di kalangan orang Islam.

"Kita ada alasan yang cukup. Kita pegang kepada ajaran Islam, iaitu orang Islam itu bersaudara dan tidak ada orang Islam boleh tuduh orang Islam lain tidak Islam," katanya.

(END)